

(iv) Mengungkapkan sya'ir-sya'ir yang dinamakan 'tahwidah' pada malam ke-27 bulan Rejab selepas selesai menyampaikan kisah Isra' Mi'raj dan selesai membaca maulid di hari Rabu terakhir bulan Rejab. Selepas diucapkan nama Allah mereka beramai-ramai dengan suara yang tinggi mengucapkan "Hud, Ya Hud", "Ya Hud, Ya Nabiyyallah".

(v) Antara kesyirikan yang terdapat di dalam apa yang dinamakan sebagai 'tahwidah' itu ialah ucapan mereka: **الله موجود في الكون** "Allah ada di alam semesta ini". Ucapan ini mengadungi 'aqidah hulul dan wahdatul wujud sebenarnya. Ia berpunca daripada ajaran Kristian yang mempercayai Allah telah menjelma di dalam diri Nabi 'Isa a.s.

(vi) Menamakan bulan Sya'ban sebagai bulan Nabi Hud. Sesetengah mereka bahkan menukar nama bulan Sya'ban dengan nama bulan Hud.

(vii) Dalam perjalanan menuju ke kubur Nabi Hud, masing-masing qabilah akan singgah di kubur-kubur orang-orang atau syeikh-syeikh tertentu yang dipercayai mereka sebagai wali-wali. Di situ mereka bertawassul, beristighatsah dan berdoa meminta apa-apa hajat mereka.

(viii) Menda'wa sungai yang berada tidak jauh dari kubur itu sebagai sungai Nabi Hud, dan ia berpunca dari syurga. Sebelum berziarah ke kubur, mereka mandi-manda terlebih dahulu di sungai itu untuk mendapat berkat daripadanya.

(ix) Setelah selesai mandi dan berwudhu' di sungai itu mereka dianjurkan bersembahyang dua raka'at sunat wudhu' terlebih dahulu di satu tempat yang dinamakan "Ĥashāt 'Umar" sebelum pergi berziarah ke kubur.

(x) Dan banyak lagilah bid'ah-bid'ah yang lain.

Contoh Keempat:

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ ضَمَرَ السَّلُولِيّ، يَقُولُ: «مَا بَيْنَ الرُّكْنِ إِلَى الْمَقَامِ إِلَى زَمْرَمَ قَبْرِ تِسْعَةٍ وَتِسْعِينَ نَبِيًّا، جَاءُوا حُجَّاجًا فَقَبِرُوا هُنَالِكَ».

Bermaksud: 'Abdullah bin Dhamrah as-Salūli berkata, "Di antara Rukun hingga ke Maqam hingga ke (Telaga) Zamzam ada kubur 99 orang nabi, mereka datang untuk mengerjakan haji lalu (wafat dan) dikebumikan di sana."

Rujukan:

Ahmad bin Ḥambal – Masā'il al-Imam Ahmad j.1 m/s 408, Al-Azraqi – Akhbār Makkah j.1 m/s 68, Abu Sa'id al-Jundi – Fadhā'il Makkah m/s 105, Ats-Tsa'labi – Tafsir ats-Tsa'labi j.12 m/s 410, al-Baghawi – Tafsir al-Baghawi j.3 m/s 246, al-Khathīb asy-Syarbīni – as-Sirāj al-Munīr j.1 m/s 488, Nawab Shiddīq Ḥasan Khan – Fathul Bayān j.4 m/s 395, 'Umdatul Qāri j.15 m/s 227, Abu at-Thayyib al-Makki al-Ḥasani al-Fāsi – Syifā' al-Gharām j.1 m/s 264, Husain bin Muhammad bin al-Ḥasan ad-Diyārbakri – Tārīkh Khamīs j.1 m/s 121, al-Ḥalabi – Sirah al-Ḥalabiyyah j.1 m/s 223, al-Albāni – Silsilatu al-Aḥādīts ad-Dha'īfah Wa al-Maudhū'ah j.12 m/s 648.

Komentar:

(1) Atsar di atas telah dikemukakan oleh Imam Ahmad (m.241H) berdasarkan riwayat anaknya Shāleḥ (m.266H) di dalam sebuah buku berjudul “Masā'il al-Imam Ahmad”. Sanadnya seperti berikut:

حَدَّثَنَا صَالِحٌ قَالَ حَدَّثَنِي أَبِي قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سُلَيْمٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُثْمَانَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَابِطٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ ضَمْرَةَ السُّلُولِيِّ قَالَ...

Setelah mengemukakannya Shāleḥ berkata, Ayahku (Imam Ahmad) berkata: “Aku tidak mendengar daripada Yahya bin Sulaim selain hadits ini.” (Lihat Masā'il al-Imam Ahmad j.1 m/s 408-409). Kata-kata Imam Ahmad ini menunjukkan ia termasuk dalam riwayat-riwayat Gharā'ibnya.

(2) Lebih awal lagi dari itu, ia telah dikemukakan oleh al-Azraqi (m.250H) di dalam kitab “Akhbār Makkah”. Sanadnya sama sahaja dengan sanad Ahmad di atas:

حَدَّثَنَا الْأَزْرَقِيُّ قَالَ: وَحَدَّثَنِي جَدِّي، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سُلَيْمٍ، عَنْ ابْنِ حُنَيْمٍ، قَالَ: سَمِعْتُ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ سَابِطٍ، يَقُولُ: سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ ضَمْرَةَ السُّلُولِيِّ، يَقُولُ:

Akhbar Makkah asalnya merupakan tulisan seorang yang dipanggil Abul Walīd al-Azraqi, iaitu Ahmad bin Muhammad bin al-Walīd bin 'Uqbah bin Azraq al-Ghassāni al-Makki (m.217H). Ia kemudiannya disusun kembali, disemak dan diriwayatkan oleh cucunya yang bernama Abul Walīd Muhammad bin 'Abdillah bin Ahmad al-Azraqi (m.250H).

Walaupun sanad atsar di atas terdiri daripada perawi-perawi hadits yang tidaklah teruk sangat, namun ia tidak lebih daripada kata-kata 'Abdullah bin Dhamrah as-Salūli atau

`Abdur Rahman bin Sābith. Paling tinggi pun ia sampai setakat `Abdullah bin Dhamrah as-Salūli, kalau begitu ia hanya satu atsar yang mauqūf dan maqthū' sahaja, kerana `Abdullah bin Dhamrah as-Salūli itu seorang tabi'i, bukan seorang sahabat Nabi s.a.w. Dia tidak sempat bertemu pun dengan mana-mana sahabat besar Rasulullah s.a.w. Kalau ia hanya kata-kata `Abdur Rahman bin Sābith, maka sama juga. Dia juga seorang tabi'i, lebih bawah lagi daripada `Abdullah bin Dhamrah as-Salūli. Mereka berdua bukan sahabat Nabi s.a.w. pun. Dari mana mereka mengetahui cerita itu, siapa yang menceritakan kepada mereka tentangnya?

Cerita seperti itu jelas sekali di luar daripada jangkauan aqal manusia. Ia tidak dapat diterima kecuali kalau ada dalil yang sahih daripada al-Qur'an atau as-Sunnah. Sedangkan tidak ada satu pun firman Allah di dalam al-Qur'an atau hadits marfū' yang sahih daripada Rasulullah s.a.w. mengenainya. Maka tidaklah layak ia dijadikan hujah dalam agama.

Yahya bin Sulaim yang ada di dalam sanad Ahmad dan juga al-Azraqi itu meskipun merupakan salah seorang perawi Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, namun dia hanya dianggap sebagai perawi shadūq sahaja. Di samping lafaz ta'dil itu, dia juga ditajrīhkan sebagai perawi yang teruk ingatannya (سَيِّئُ الْحِفْظِ).

(3) Di dalam Tafsir ats-Tsa'labi (Abu Ishaq Ahmad bin Ibrahim ats-Tsa'labi m.427H) yang berjudul Al-Kasyfu Wa al-Bayān pula riwayat itu tersebut dengan sedikit tambahan pada lafaz dan sanadnya seperti berikut:

وأخبرني أحمد بن أبي الفراتي، أخبرنا المغيرة بن عمرو، قال: أخبرنا المفضل بن محمد، ثنا يونس بن محمد، حدثنا يزيد بن أبي حكيم، عن سفيان الثوري، عن عطاء بن السائب، عن عبد الرحمن بن سابط أنه قال: بَيَّنَّ الرُّكْنَ وَالْمَقَامَ وَرَمَزَ قَبْرُ تِسْعَةٍ وَتِسْعِينَ نَبِيًّا، وَإِنَّ قَبْرَ هُودٍ وَشُعَيْبٍ وَصَالِحٍ وَإِسْمَاعِيلَ عَلَيْهِمُ السَّلَامُ فِي تِلْكَ الْبُقْعَةِ.

Bermaksud: `Abdur Rahman bin Sābith berkata: "Di antara Rukun, Maqam dan (telaga) Zamzam ada kubur 99 orang nabi. Dan sesungguhnya kubur Nabi Hud, Syu'aib, Shāleḥ dan Isma'il a.s. ada di bahagian bumi itu."

Berdasarkan riwayat ini atsar itu hanya sampai kepada `Abdur Rahman bin Sābith sahaja, tidak sampai pun kepada `Abdullah bin Dhamrah as-Salūli, dan ia tidak lebih daripada kata-kata `Abdur Rahman bin Sābith. Maka riwayat ini juga hanyalah satu

riwayat maqthū' (riwayat yang hanya sampai setakat tabi'i dan ia merupakan kata-katanya).

Riwayat seperti ini sama sekali tidak boleh dijadikan hujah dan pegangan dalam agama. Apalagi jika dilihat dengan lebih teliti dan lebih cermat, niscaya ia akan didapati sebagai satu riwayat yang dha'if, bahkan maudhu' semata-mata. Ini kerana di dalam sanadnya terdapat beberapa orang perawi yang cukup-cukup bermasalah:

- (i) Ahmad bin Abi al-Furātī ialah Abu 'Amar al-Astawā'i. Dia seorang perawi majhūl.
- (ii) Mughīrah bin 'Amar pula ialah Abu al-Ḥasan al-Makki. Dia meriwayatkan hadits-hadits maudhu'. (Lihat adz-Dzahabi – al-Mughni Fi ad-Dhu'afā' j.2 m/s 673, Hafizh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.8 m/s 135).
- (iii) Yunus bin Muhammad bin Isma'il al-Ḥaffār al-'Adni juga seorang perawi majhūl.
- (iv) 'Athā' bin as-Sā'ib adalah seorang perawi mukhtalith (bercelaru ingatannya) di akhir hayatnya.

Orang yang meriwayatkan daripadanya sebelum ikhtilāthnya (bercelaru ingatannya) hanya seorang sahaja iaitu Sufyan ats-Tsauri. Yang lain-lain seperti Syarīk, Musa bin A'yan, Wakī' bin al-Jarrāḥ, Abu al-Aḥwash, Jarir bin 'Abdīl Ḥamīd dan lain-lain semuanya meriwayatkan daripadanya selepas ikhtilāthnya (bercelaru ingatannya). Hanya Ḥammād bin Salamah sahaja tidak disepakati para 'uama' Rijāl, sama ada dia meriwayatkan daripada 'Athā' sebelum ikhtilāthnya atau selepas ikhtilāthnya.

Bagaimanapun semua mereka hanya menghentikan riwayat itu pada 'Abdur Rahman bin Sābith sebagai kata-katanya sahaja. Ia tidak sampai pun pada 'Abdullah bin Dhamrah as-Salūli, seorang tabi'i sepertinya juga. Jauh sekali ia akan sampai kepada sahabat atau Nabi s.a.w. sendiri sebagai hadits Baginda!

- (v) 'Abdur Rahman bin Sābith sendiri yang ada di puncak sanad meskipun seorang tabi'i yang tsiqah, namun dia banyak melakukan irsāl (tidak menyebut sanad di atasnya).

(4) Al-Azraqi bahkan telah mengemukakan beberapa lagi riwayat yang menunjukkan Masjidil Ḥarām yang dima'lumi itu seolah-olahnya satu perkuburan besar sebenarnya. Ia sengaja dibina di atas perkuburan para nabi, anak cucu mereka dan juga pengikut-pengikut mereka. Memang begitulah dikehendaki Allah dan itulah taqdirNya. Sama ada dengan maksud manusia yang datang kemudian mengambil berkat mereka, atau untuk menunjukkan sesuatu masjid itu semakin banyak kelebihanannya apabila pada tapaknya terdapat lebih banyak kubur orang baik-baik, khususnya nabi-nabi.

Cuma riwayat-riwayat yang dikemukakannya tidak ada satu pun yang marfu', paling tinggi ia mursal atau maqthū' sahaja atau tanpa sanad. Tabi'i yang dinukilkan riwayat daripadanya pula ada yang dikenali dan ada juga yang tidak dikenali (majhūl). Sekarang mari kita sama-sama lihat sebahagian lagi riwayat yang dikemukakan oleh al-Azraqi di dalam kitabnya Akhbār Makkah:

(i) Dengan sanad di bawah ini al-Azraqi meriwayatkan, katanya:

حَدَّثَنِي مَهْدِيُّ بْنُ أَبِي الْمُهْدِيِّ، قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ مَوْلَى بَنِي هَاشِمٍ، عَنْ حَمَّادِ بْنِ سَلَمَةَ، عَنْ عَطَاءِ بْنِ السَّائِبِ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سَابِطٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «كَانَ النَّبِيُّ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ إِذَا هَلَكَتْ أُمَّتُهُ لَجَوْا بِمَكَّةَ فَيَتَعَبَّدُ فِيهَا النَّبِيُّ، وَمَنْ مَعَهُ حَتَّى يَمُوتَ فِيهِ، فَمَاتَ بِهَا نُوحٌ، وَهُودٌ، وَصَالِحٌ، وَشُعَيْبٌ، وَقُبُورُهُمْ بَيْنَ رَمْزٍ وَالْحَجَرِ».

Bermaksud: Muhammad bin Sābiṭh meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. Kata Baginda: "Apabila umat seseorang nabi binasa, Nabinya akan pergi ke Mekah, di sana dia beribadat bersama-sama pengikut-pengikutnya, sehinggalah dia wafat. Di Mekahlah Nūḥ, Hūd, Shāleḥ, dan Syu'aib telah wafat. Kubur mereka berada di antara (telaga) Zamzam dan Ḥajar (Aswad)." (Lihat Akhbār Makkah j.1 m/s 68).

Muhammad bin Sābiṭh yang tersebut di dalam riwayat ini sebenarnya adalah 'Abdur Rahman bin Sābiṭh. Perawi terkeliru sehingga menyebut namanya Muhammad. Lihat bagaimana dia telah meriwayatkannya secara mursal daripada Nabi s.a.w. sebagai sabda Baginda tanpa menyebut nama mana-mana sahabat yang menerimanya daripada Baginda s.a.w.!

Sedangkan di dalam riwayat Ibnu 'Asākir di dalam Tārīkh Dimasyq, perawi menyatakan apa yang tersebut itu hanyalah kata-kata 'Abdur Rahman bin Sābiṭh sahaja. Lihat riwayat Ibnu 'Asākir berkenaan di bawah ini:

أخبرنا أبو عبد الله الحسين ابن عبد الملك أنا إبراهيم بن منصور أنا أبو بكر بن المقرئ أخبرنا المفضل بن محمد نا عبد الله بن أبي غسان نا جرير بن عبد الحميد عن عطاء بن السائب عن عبد الرحمن بن سابط قال: إن قبر نوح وهود وشعيب وصالح بين زمزم وبين الركن والمقام.

Bermaksud: 'Abdur Rahman bin Sābith berkata: "Sesungguhnya kubur (Nabi) Nūḥ, Hūd, Syu'aib dan Shāleḥ berada di antara (telaga) Zamzam, Rukun (Ḥajar Aswad) dan Maqam (Ibrahim). (Tārīkh Dimasyq j.62 m/s 288).

(ii) Al-Azraqi telah menukikan tanpa sanad bahawa, kata orang:

وَتُوفِّيَ إِسْمَاعِيلُ وَتُفِنَ فِي الْحَجْرِ، وَكَانَتْ أُمُّهُ قَدْ دُفِنَتْ فِي الْحَجْرِ أَيْضًا،

Bermaksud: (Nabi) Isma'il wafat, dan beliau dikebumikan dalam Ḥijir, ibunya juga telah dikebumikan di Ḥijir. (Lihat Akhbār Makkah j.1 m/s 86).

(iii) Al-Azraqi cucu (Abul Walīd Muhammad bin 'Abdillāh bin Ahmad al-Azraqi m.250H) telah meriwayatkan daripada datuknya (Abul Walīd Ahmad bin Muhammad bin al-Walīd bin 'Uqbah bin Azraq al-Ghassāni al-Makki m.217H) dengan sanad di bawah ini tentang kubur Nabi Isma'il a.s. Katanya:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ: حَدَّثَنِي جَدِّي، عَنْ خَالِدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، قَالَ: حَدَّثَنِي الْحَارِثُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الرَّهْرِيُّ، عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ صَفْوَانَ الْجَمْعِيِّ، قَالَ: حَفَرَ ابْنُ الرَّثْبِيِّ الْحَجَرَ فَوَجَدَ فِيهِ سَقَطًا مِنْ حِجَارَةٍ خُضِرَ فَسَأَلَ قُرَيْشًا عَنْهُ فَلَمْ يَجِدْ عِنْدَ أَحَدٍ مِنْهُمْ فِيهِ عِلْمًا قَالَ: فَأَرْسَلَ إِلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ صَفْوَانَ فَسَأَلَهُ فَقَالَ: «هَذَا قَبْرُ إِسْمَاعِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ فَلَا تُحَرِّكْهُ» قَالَ: فَتَرَكَهُ.

Bermaksud: Shafwān bin 'Abdillāh bin Shafwān al-Jumāḥi meriwayatkan, katanya: "Ibnu az-Zubair telah menggali Ḥijir (untuk pembinaan semula Ka'bah), didapatinya di situ satu tumpukan batu hijau. Beliau bertanya orang-orang Quraisy tentangnya, tetapi tiada siapa pun daripada mereka mengetahuinya. Kata perawi (Shafwān), maka beliau mengutus orang supaya memanggil 'Abdillāh bin Shafwān al-Jumāḥi (ayah perawi) untuk bertanya kepadanya. (Setelah melihatnya) 'Abdillāh bin Shafwān berkata: "Ini adalah kubur Nabi Isma'il a.s. Janganlah engkau menggerakkannya (mengusiknya). Maka 'Abdillāh bin az-Zubair pun meninggalkannya." (Lihat Akhbār Makkah j.1 m/s 312).

Riwayat ini terhenti pada seorang tabi'i iaitu 'Abdillāh bin Shafwān. Tidak diketahui dari mana beliau mengetahui itu adalah kubur Nabi Isma'il a.s. Beliau tidak mengaitkan

ceritanya itu dengan Nabi s.a.w. Walaupun 'Abdullah ini lahir di zaman Nabi s.a.w. sama seperti 'Abdullah bin az-Zubair, tetapi tiada siapa pun menyebutnya sebagai salah seorang sahabat Baginda s.a.w. Beliau terbunuh pada tahun 73 Hijrah bersama 'Abdullah bin az-Zubair dalam keadaan bergantung di kelambu Ka'bah untuk menyelamatkan diri.

Kalau 'Abdullah bin az-Zubair sendiri tidak mengetahui tentangnya, bagaimana pula orang yang lebih muda darinya mengetahui dengan yakin bahawa itu adalah kubur Nabi Isma'il a.s.?!

Riwayat ini secara total bercanggah dengan satu riwayat lain yang juga dikemukakan oleh al-Azraqi di dalam kitab yang sama. Lihat riwayat berkenaan di bawah ini:

حَدَّثَنِي مَهْدِيُّ بْنُ أَبِي الْمُهَدِّيِّ، عَنْ عَيْسَى بْنِ يُونُسَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُسْلِمٍ بْنِ هُرْمَزٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي يَزِيدُ، مَوْلَى ابْنِ الزُّبَيْرِ قَالَ: " شَهِدْتُ ابْنَ الزُّبَيْرِ اخْتَفَرَ فِي الْحَجَرِ، فَأَصَابَ أَسَاسَ النَّبْتِ جِجَارَةً حُمْرَ كَالْهِيَاطِ، تَحْرُكُ الْحَجَرُ فَيَهْتَزُّ لَهُ النَّبْتُ، فَأَصَابَ فِي الْحَجَرِ مِنَ النَّبْتِ سِتَّةَ أَدْرُعٍ وَشِبْرًا، وَأَصَابَ فِيهِ مَوْضِعَ قَبْرِ، فَقَالَ ابْنُ الزُّبَيْرِ: هَذَا قَبْرُ إِسْمَاعِيلَ. فَجَمَعَ قُرَيْشًا، ثُمَّ قَالَ لَهُمْ اشْهَدُوا، ثُمَّ بَنَى "

Bermaksud: Yazid Maula Ibnu az-Zubair meriwayatkan, katanya: Aku menyaksikan ketika Ibnu az-Zubair menggali Hîjir (untuk pembinaan semula Ka'bah). Asas Baitillah yang merupakan batu-batu merah seperti tiang-tiang itu ditemui. Baitullah bergoyang bila batu di bawahnya digerak-gerakkan. Pada kedalaman enam hasta satu jengkal di bawah Hîjir beliau menemui satu kubur. 'Abdullah bin az-Zubair lantas berkata: "Ini adalah kubur (Nabi) Isma'il." Lalu beliau mengumpulkan orang-orang Quraisy dan berkata kepada mereka: "Jadi saksilah kamu semua." Kemudian beliau membina (Ka'bah hingga sempurna). (Lihat Akhbâr Makkah j.1 m/s 214).

(iv) Di bawah tajuk: مَوْضِعُ قُبُورِ عَذَارَى بَنَاتِ إِسْمَاعِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ (Tempat Kubur Anak-Anak Dara Isma'il a.s. Ialah Di Dalam Masjidil Hâram) Al-Azraqi mengemukakan riwayat berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ، قَالَ: حَدَّثَنِي جَدِّي، قَالَ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، أَنَّهُ سَمِعَ ابْنَ الزُّبَيْرِ، عَلَى الْمُنْبَرِ يَقُولُ: إِنَّ هَذَا الْمُخْدُونَبَ قُبُورَ عَذَارَى بَنَاتِ إِسْمَاعِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ - يَعْنِي مِمَّا يَلِي الرُّكْنَ الشَّامِيَّ مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ - قَالَ: وَذَلِكَ الْمَوْضِعُ يُسَوَّى مَعَ الْمَسْجِدِ، فَلَا يَنْشَبُ أَنْ يَغُودَ مُخْدُونَبًا مُنْذُ كَانَ.

Bermaksud: Az-Zuhri telah mendengar Ibnu az-Zubair berkata ketika beliau berucap di atas mimbar (begini): “Sesungguhnya tempat melengkung ini adalah kubur anak-anak dara Isma’il a.s. Iaitu di arah yang mengiringi rukun Syami daripada Masjidil Ĥaram.” Kata perawi, “Tempat itu diratakan bersama-sama tempat Masjidil Ĥaram (yang lain). Ia tidak lagi melengkung seperti dahulunya. (Lihat Akhbār Makkah j.2 m/s 66).

(v) Al-Azraqi juga mengemukakan satu riwayat yang menunjukkan kubur beberapa orang nabi terdahulu bersama umatnya terletak di bawah Masjidil Ĥaram yang ada hari ini:

حَنَنْتِي جَدِّي، عَنْ سَعِيدِ بْنِ سَالِمٍ، عَنْ عُثْمَانَ بْنِ سَاجٍ، عَنْ وَهَبِ بْنِ مُنَبِّهٍ، قَالَ: " خَطَبَ صَالِحُ الْذِينَ آمَنُوا مَعَهُ، فَقَالَ لَهُمْ: إِنَّ هَذِهِ دَارٌ قَدْ سَخَطَ اللَّهُ عَلَيْهَا وَعَلَى أَهْلِهَا؛ فَاطْعَنُوا عَنْهَا؛ فَإِنَّهَا لَيْسَتْ لَكُمْ بِدَارٍ. قَالُوا: رَأَيْنَا لِرَأْيِكَ تَبَعٌ، فَمَرْنَا نَفْعَلُ. قَالَ: تَلْحَقُونَ بِحَرَمِ اللَّهِ وَأَمْنِهِ، لَا أَرَى لَكُمْ دُونَهُ. فَأَهْلُوا مِنْ سَاعَتِهِمْ بِالْحَجِّ، ثُمَّ أَحْرَمُوا فِي الْعَبَاءِ، وَارْتَحَلُوا قُلُوصًا خُمْرًا مَخْطُومَةً بِجِبَالِ اللَّيْفِ، ثُمَّ انْطَلَقُوا آمِينَ النَّبِيتِ الْحَرَامِ حَتَّى وَرَدُوا مَكَّةَ، فَلَمْ يَزَالُوا بِهَا حَتَّى مَاتُوا، فَبُورُوا فِي غَرْبِ الْكَعْبَةِ بَيْنَ دَارِ النَّذْوَةِ وَدَارِ بَنِي هَاشِمٍ. وَكَذَلِكَ فَعَلَ هُوَذَا وَمَنْ آمَنَ مَعَهُ، وَشُعَيْبٌ وَمَنْ آمَنَ مَعَهُ.

Bermaksud: Daripada Wahab bin Munabbih, katanya: “(Nabi) Shāleḥ berucap di hadapan orang-orang yang beriman kepadanya. Katanya kepada mereka: “Sesungguhnya ini adalah negeri dengan penduduknya yang telah dimurkai Allah. Berangkatlah kamu meninggalkannya. Ia bukan lagi tempat yang sesuai untukmu.” Kata pengikut-pengikutnya, “Kami mengikut saja pandanganmu. Perintah saja kami, kami akan melakukannya.” Kata Shāleḥ, “Pergilah kamu ke tanah Ĥaram Allah yang aman damai (Makkah). Aku tidak nampak tempat yang sesuai untukmu selainnya. Mereka terus berihlal untuk mengerjakan haji dan menjadikan selimut sebagai kain iḥrām. Lalu menaiki unta-unta muda berwarna merah yang tali kekangnya diperbuat daripada sabut kulit pokok tamar. Mereka menuju Baitillah al-Ĥaram di Mekah. Di sanalah mereka tinggal sampai meninggal dunia. Itulah kubur-kubur mereka di sebelah barat Ka’bah di antara Dar an-Nadwah dan Dar Bani Hasyim. Begitu juga dilakukan oleh (Nabi) Hud dan (Nabi) Syu’aib bersama orang-orang yang beriman kepada mereka.” (Lihat Akhbār Makkah j.1 m/s 73).

Riwayat ini bukan sahaja terdapat di dalam kitab Akhbār Makkah karangan al-Azraqi, ia juga terdapat di dalam kitab-kitab lain yang muncul kemudian, seperti Akhbār Makkah karangan al-Fākihi (m.272H), Fadḥā’il Makkah karangan Abu Sa’id al-Jundi

(m.308H) dan Sirah al-Ĥalabiyyah karangan `Ali bin Ibrahim bin Ahmad al-Ĥalabi (m.1044H). Riwayat-riwayat seperti ini banyak juga terdapat di dalam kitab-kitab tafsir lama, tetapi kebanyakan pengarangnya mengemukakannya tanpa sanad atau dengan menggunakan sighah tamrīdh yang mengisyaratkan kepada kedha'ifannya atau kedudukannya yang tidak boleh dipertanggungjawabkan.

Riwayat al-Azraqi di atas juga maqthū', ia hanya sampai setakat Wahab bin Munabbih, seorang tabi'i yang sangat terkenal dalam meriwayatkan riwayat-riwayat Isra'iliyyat. `Utsman bin (Amar bin) Sāj yang menerima riwayat itu daripadanya pula hanyalah seorang tukang cerita dan perawi yang dha'if. Abu Haatim, adz-Dzahabi, Hafizh Ibnu Hajar dan lain-lain telah menyebut dia sebagai seorang perawi dha'if.

(5) Semua riwayat yang dikemukakan di atas tidak dapat diterima dan karut semata-mata, baik ditinjau di sudut sanadnya mahupun di sudut matannya. Apa yang menarik ialah tidak ada satu pun sanad riwayat tersebut marfū'. Tidak ada juga sanad yang sampai kepada tabi'i yang tsiqah sahih. Sebahagiannya langsung tidak bersanad. Sebahagian yang lain pula hanya sampai kepada tabi'i yang majhūl.

Tabi'i yang tsiqah kalau pun tersebut di dalam sanadnya, dia tetap tidak menyebut tempat ambilannya, sama ada daripada seorang sahabat Nabi atau pun daripada tabi'i seumpamanya.

(6) Salah satu bukti kekarutan riwayat-riwayat tersebut ialah ia tidak terdapat di dalam mana-mana kitab hadits yang masyhur dan mu'tabar. Bukan sahaja ia tidak terdapat di dalam enam kitab utama hadits, malah ia tidak terdapat juga di dalam kitab-kitab hadits seperti Musnad Ahmad, Sahih Ibnu Hibbaan, Sahih Ibnu Khuzaimah dan ketiga-tiga Mu'jam at-Thabaraani.

(7) Jika dilihat di sudut dirayah pula maka jelas sekali pertentangannya dengan sekian banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits yang sahih, selain bertentangan dengan roh ajaran Islam yang begitu keras menentang kesyirikan dan menekankan keikhlasan ibadat kepada Allah semata-mata.

(8) Di bawah ini adalah sebahagian daripada ayat-ayat al-Qur'an yang menekankan pemurnian ibadat kepada Allah yang Maha Esa dalam keadaan bersih daripada segala bentuk kesyirikan, terutamanya di masjid-masjid.

(i) Allah 'Azza Wa Jalla berfirman:

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ۝

Bermaksud: Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun (di dalamnya) di samping Allah. (al-Jinn:18).

(ii) Di dalam Surah al-Ĥajj Allah juga berfirman:

وَإِذْ بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ۝

Bermaksud: Dan (ingatlah peristiwa) ketika Kami tentukan bagi (Nabi) Ibrahim tempat Ka'bah (untuk membinanya, lalu Kami berfirman kepadanya): "Janganlah engkau sekutukan sesuatu pun denganKu, dan bersihkanlah rumahKu (Ka'bah ini) bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang berdiri dan yang ruku' serta yang sujud (mengerjakan sembahyang). (al-Ĥajj:26).

(iii) Di dalam Surah al-Baqarah juga perkara yang lebih kurang sama telah difirmankanNya:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَحَابَّةَ لِّلْعَالَمِينَ وَأَمَرْنَا وَانْتَحَدُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُضِلًّا وَعَهْدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ۝

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Kami jadikan Rumah (Baitullah) itu tempat tumpuan bagi umat manusia (untuk Ibadat Haji) dan tempat yang aman; dan jadikanlah oleh Kamu dari Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang. Dan Kami perintahkan kepada (Nabi) Ibrahim dan (Nabi) Isma'il (dengan berfirman): "Bersihkanlah Rumahku (Ka'bah dan Masjid al-Ĥarām dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang tawaf, yang i'tikaf, yang ruku' dan yang sujud". (al-Baqarah:125).

(9) Di bawah ini pula adalah sebahagian daripada hadits-hadits sahih yang jelas bercanggah dan bertentangan dengan hadits-hadits yang telah dikemukakan di bawah Usul ke-64 sebagai contoh.

(i) 'Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

«إِنَّ مِنْ شَرِّ النَّاسِ مَنْ تُدْرِكُهُمُ السَّاعَةُ وَهُمْ أَحْيَاءٌ، وَالَّذِينَ يَتَّخِذُونَ الْقُبُورَ مَسَاجِدَ»

Bermaksud: Sesungguhnya antara manusia yang paling jahat ialah orang-orang yang masih hidup ketika kiamat berlaku, dan orang-orang yang menjadikan kubur-kubur sebagai masjid-masjid. (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Abi Syaibah, al-Bazaar dan lain-lain).

(ii) Sebahagian daripada apa yang didengari Jundab daripada Nabi s.a.w. lima hari sebelum Baginda wafat adalah sabda Baginda s.a.w. berikut:

... أَلَا وَإِنْ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ كَانُوا يَتَّخِذُونَ قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ وَصَالِحِيهِمْ مَسَاجِدَ، أَلَا فَلَا تَتَّخِذُوا الْقُبُورَ مَسَاجِدَ، إِنِّي أَنُهَاكُم عَنْ ذَلِكَ.

Bermaksud: "... Ketahuilah, sesungguhnya orang-orang sebelummu telah menjadikan kubur-kubur para nabi dan orang-orang shāleḥ di kalangan mereka sebagai masjid. Ingat! Jangan kamu jadikan kubur-kubur masjid. Aku benar-benar melarangmu daripadanya." (Hadits riwayat Muslim, an-Nasaa'i dan Ibnu Sa'ad).

(iii) 'Urwah bin az-Zubair meriwayatkan daripada 'Aaishah bahawa beliau berkata:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَرَضِهِ الَّذِي لَمْ يَقُمْ مِنْهُ لَعَنَ اللَّهُ الْيَهُودَ اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ قَالَتْ عَائِشَةُ لَوْلَا ذَلِكَ (ذَلِكَ) لَأُبْرِرَ قَبْرُهُ حَيْثُ أَنْ يُتَّخَذَ مَسْجِدًا.

Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda ketika sakit yang Baginda tidak dapat bangun lagi (sesudahnya, iaitu sakit yang membawa kepada kewafatannya): "Allah telah mela'nat orang-orang Yahudi. Mereka telah menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid-masjid." Kata 'Aaishah, "Jikalau tidak kerana itu niscaya kubur Baginda dinyatakan. Baginda takut (bimbang) kuburnya dijadikan masjid." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, an-Nasaa'i dan lain-lain).

Di dalam satu lafaz riwayat Bukhari yang lain tersebut juga golongan Nashara selain golongan Yahudi.

(iv) Imam Malik dan Imam Ahmad dengan sanad mereka telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah berdoa dan kemudian bersabda begini:

اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ قَبْرِي وَتَنَاءً، لَعَنَ اللَّهُ قَوْمًا اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ.

Bermaksud: “Ya Allah, janganlah jadikan kuburku berhala. Allah telah mela`nat orang-orang yang telah menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai masjid-masjid.” (Hadits riwayat Malik di dalam Muwattha’nya dan Ahmad di dalam Musnadnya).

(10) Dalam keadaan adanya beberapa firman Allah yang dikemukakan pada poin (10) dan beberapa hadits sahih pada poin (11) yang lepas, tidakkah riwayat yang dikemukakan sebagai contoh ke empat di bawah Usul ke-64 ini dan beberapa riwayat lain seumpamanya itu kelihatan begitu bercanggah dan bertentangan dengannya?

Bagaimana mungkin dalam keadaan adanya firman Allah yang memerintahkan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Isma’il a.s. supaya membersihkan rumahNya (Baitillah atau al-Masjidil H̄aram) daripada segala kekotoran kesyirikan, tiba-tiba dengan kehendak Allah pula para nabi dikebumikan di situ?

Bukankah kubur para nabi juga telah menjadi sasaran penyembahan oleh umat manusia? Kalau tidak, kenapa Rasulullah di dalam hadits-hadits yang dikemukakan di atas menyatakan la`nat Allah ke atas golongan Yahudi dan Nashara yang telah menjadikan kubur nabi-nabi dan orang-orang sh̄āleḥ di kalangan mereka sebagai masjid-masjid??

(11) Apa yang menghairankan ialah kenapa tidak pernah tersebut di dalam hadits-hadits sahih tentang kewujudan kubur sekian ramai nabi di bawah Masjidil H̄aram?! Ia tidak pernah disebut baik oleh Rasulullah s.a.w. sendiri mahupun oleh mana-mana sahabat Baginda! Kalau di bawah tapak Masjidil H̄aram itu memang terdapat sebanyak itu kubur para nabi, tentulah ia pernah disebut oleh Baginda, paling tidak sekali sepanjang hayat.

(12) Jika di bawah tapak Masjidil H̄aram itu memang terdapat begitu banyak kubur para nabi dan pengikut-pengikutnya, kenapa Rasulullah bershalat dengan selesa saja di dalamnya tanpa menyebut apa-apa pun kepada para sahabat, bersembahyang di dalamnya dikatakan besar sekali pahalanya, tidak ada satu pun masjid di dunia ini yang mana bersembahyang padanya mendatangkan pahala sebesar bersembahyang di Masjidil H̄aram!

Sedangkan sekian banyak ancaman telah pun diberikan oleh Baginda kepada para sahabat tentang kubur-kubur yang dijadikan sebagai masjid-masjid. Banyak kali juga

telah disebutkan oleh Baginda bahawa orang-orang dahulu dari kalangan Bani Isra'il (Yahudi dan Nashara) telah dila'nat Allah kerana mereka telah menjadikan kubur-kubur para nabi sebagai masjid atau tempat beribadat!

(13) Beberapa riwayat maudhū' yang dikemukakan di atas telah menyebutkan bahawa kubur Nabi Isma'il dan kubur ibunya Siti Hajar terletak di bawah Ĥijir atau Ĥathīm. Ia disaksikan oleh 'Abdullah bin az-Zubair sendiri dan beliau meminta orang-orang yang ikut serta dalam penggalian tapak Masjidil Ĥaram di bahagian Ĥijir itu juga turut bersaksi tentangnya semasa pembinaan semula Ka'bah di zaman pemerintahannya, sedangkan riwayat-riwayat sahih yang menceritakan tentang pembinaan semula Ka'bah di zaman 'Abdullah bin az-Zubair sunyi sepi daripada menyebut apa-apa tentangnya.

Sebagai contoh mari kita lihat apa kata seorang tabi'i terkenal Yazid bin Rūmān tentang pembinaan semula Ka'bah yang disaksikannya semasa pembinaan semula Ka'bah di zaman pemerintahan 'Abdullah bin az-Zubair. Kata beliau berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, an-Nasaa'i dan lain-lain:

قَالَ يَزِيدُ وَشَهِدْتُ ابْنَ الرَّبِيعِ جِئَ هَدَمَهُ وَبَنَاهُ وَأَدْخَلَ فِيهِ مِنَ الْجَجْرِ وَقَدْ رَأَيْتُ أَسَاسَ إِبْرَاهِيمَ حِجَارَةً كَأْسِيمَةٍ الْإِبِلِ قَالَ جَرِيرٌ فَقُلْتُ لَهُ أَيْنَ مَوْضِعُهُ قَالَ أَرَيْكَه الْآنَ فَدَخَلْتُ مَعَهُ الْجَجْرَ فَأَشَارَ إِلَى مَكَانٍ فَقَالَ هَاهُنَا قَالَ جَرِيرٌ فَخَرَزْتُ مِنَ الْجَجْرِ سِتَّةَ أَذْرُعٍ ، أَوْ نَحْوَهَا.

Bermaksud: Kata Yazid (bin Rūmān), "Aku menyaksikan Ibnu az-Zubair ketika beliau merobohkannya (Baitillah) dan membinanya (semula). Beliau memasukkan ke dalamnya dari Ĥijir. Aku melihat asas (Nabi) Ibrahim berupa batu-batu seperti bonggol-bonggol unta. Kata Jarir (bin Ĥāzim), "Aku berkata kepadanya, "Di mana tempatnya?" Kata beliau (Yazid bin Rūmān), "Nanti aku tunjukkan kepadamu sekarang." Aku masuk bersamanya ke dalam Ĥijir, lalu beliau mengisyaratkan ke suatu tempat sambil berkata, "Di sini." Kata Jarir, "Maka aku mengagak dari Ĥijir itu enam hasta atau lebih kurang enam hasta. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, an-Nasaa'i dan lain-lain).

(14) Sebelum Ka'bah dirobuhkan di zaman pemerintahan Ibnu az-Zubair, kedudukan Ĥijir atau Ĥathīm yang telah dibina oleh orang-orang kafir Quraisy lima tahun sebelum Nabi kita dilantik sebagai Rasul Allah ketika Baginda berumur 40 tahun adalah seperti yang kelihatan kepada kita semua hari ini. Setelah dirobuhkan dan di bina semula oleh Ibnu az-Zubair, bahagian itu juga dimasukkan ke dalam binaan Ka'bah dengan

anggapan ia juga termasuk dalam binaan asal Nabi Ibrahim dan Isma'il berdasarkan hadits-hadits yang sahih.

Pengebumian Siti Hajar (isteri Nabi Ibrahim a.s.) dan anaknya Nabi Isma'il a.s. di bawah tapak di mana beradanya Hajar itu bererti apabila ibunya Siti Hajar meninggal dunia, beliau dikebumikan dengan sengaja oleh anaknya Nabi Isma'il di dalam Ka'bah. Ya'ni di dalam masjid yang mula-mula sekali dibina di atas muka bumi ini. Kalau begitu, agaknya Nabi Isma'il a.s. telah berwasiat kepada anak-anaknya sebelum kewafatannya supaya Baginda dikebumikan di sebelah ibundanya Siti Hajar! Dan secara tidak langsung juga bererti Nabi Isma'il a.s. telah berwasiat supaya jenazahnya dikebumikan di dalam masjid!

Mungkinkah semua itu berlaku dalam keadaan Allah telah berfirman di dalam al-Qur'an Surah al-Hajj dan Surah al-Baqarah seperti telah dikemukakan sebelum ini?!

Apakah ertinya perintah Allah kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Isma'il supaya mereka berdua membersihkan rumahNya (Ka'bah) bagi orang-orang yang tawaf, dan orang-orang yang berdiri dan yang ruku' serta yang sujud (mengerjakan sembahyang)? Bukankah itu bererti membersihkan Ka'bah daripada segala macam unsur kesyirikan atau apa-apa yang boleh membawa umat Islam kepada kesyirikan??

Apa lagi kesyirikan yang lebih berbahaya daripada kubur yang dijadikan sebagai masjid atau tempat sujud? Bukankah itulah yang dilarang oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits-hadits yang telah dikemukakan di atas??

(15) Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ عَلَى الْأَرْضِ أَنْ تَأْكُلَ أَجْسَادَ الْأَنْبِيَاءِ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah telah mengharamkan kepada bumi (daripada) memakan tubuh-tubuh para nabi. (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Abi Syaibah, Abu Daud, an-Nasaa'i, Ibnu Majah, ad-Daarimi, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban, al-Hakim, at-Tabaraani dan lain-lain).

Hadits ini menunjukkan jasad para nabi selama-lamanya berada dalam keadaan selamat sejatera di dalam kubur mereka masing-masing. Jadi bagaimana mungkin begitu